

**DRAF TEKS UCAPAN PERASMIAN YB. TIMBALAN
MENTERI KERJA RAYA SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
“PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT KERJA-KERJA
MENGECAT DAN LATIHAN PRAKTIKAL MEMBAIKPULIH
PAGAR” PADA 19 APRIL 2014 (SABTU) DI SURAU KG
KULAMBAI DUNDAU, KOTA BELUD, SABAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

(salutasi)

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini sempena “Program Khidmat Masyarakat Kerja-Kerja Mengecat Dan Latihan Praktikal Membaikpulih Pagar” anjuran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dengan kerjasama Akademi Binaan Malaysia (ABM) Negeri Sabah serta Warga Penduduk Kampung Kulambai Dundau. Di kesempatan ini juga, marilah kita sama-

sama berdoa agar Allah S.W.T memberikan kesejahteraan kepada anak-anak kapal dan penumpang pesawat MH370.

Pertama-tamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan program pada hari ini. Tidak ketinggalan juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Binaan Malaysia (ABM) Negeri Sabah dan Pejabat Daerah Kota Belud yang turut terlibat dalam menjayakan program pada hari ini. Semangat kesepakatan dan kerjasama ini wajar diteruskan dan menjadi budaya positif yang sentiasa diamalkan selalu agar kita terus dapat memberikan khidmat yang terbaik untuk rakyat dan negara.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kontraktor dan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta penduduk Kampung Kulambai Dundau yang hadir kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-

sama menyertai program pada hari ini. Tanpa kehadiran dan kerjasama tuan/puan, seminar pada hari ini juga tidak dapat berjalan dengan lancar. Saya amat berharap agar budaya kerjasama ini sentiasa diteruskan dan menjadi budaya positif yang sentiasa diamalkan selalu, bak kata pepatah, “Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh”. Dan menyerap juga semangat kaum Bajau di Kota Belud ini khususnya dan Sabah amnya “Mangan nia mangan asal kurung-kurung”.

Di kesempatan ini juga saya juga ingin mengucapkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak YB Datuk Salleh yang telah banyak membantu dalam menjayakan program ini sejak dari peringkat awal hinggalah terlaksananya program pada hari ini. Saya bagi pihak Kementerian Kerja Raya mengucapkan berbilang terima kasih atas kesudian YB Datuk membantu kami dalam melaksanakan program pada hari ini. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada YB Datuk Musbah atas kesudian hadir meluangkan masa bersama-sama pada hari ini.

Tuan – Tuan dan Puan – Puan,

Program pada hari ini telah dirancang untuk disertai oleh seramai 150 orang kontraktor Bumiputera (Gred G1-G7) dan lebih 150 penduduk Kampung Kulambai Dundau, Kota Belud serta kawasan sekitarnya. Untuk makluman tuan/puan, program anjuran PKK dengan kerjasama CIDB dan ABM ini merupakan satu pendekatan serampang dua mata dalam melaksanakan Program Pembangunan Kapasiti Kontraktor Bumiputera dan pada masa yang sama dapat melaksanakan satu bentuk khidmat sosial (CSR) para Kontraktor Bumiputera kepada masyarakat. Ia juga merupakan satu pendekatan Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) di antara PKK dan CIDB dalam mengoptimumkan penggunaan sumber aset dan peruntukan kerajaan.

Seperti yang tuan/puan sedia maklum, aktiviti utama program ini ialah ceramah berkenaan kaedah mengecat dan membaikpulih pagar oleh tenaga pengajar daripada Akademi Binaan Malaysia (ABM), CIDB dan disusuli dengan latihan praktikal mengecat dan membaiki pagar surau Kampung

Kulambai Dundau, Kota Belud. Selain itu, pihak ABM, CIDB juga telah melaksanakan beberapa pembaikan kecil di surau ini sebelum program ini berlangsung, seperti pembaikan tempat wuduk dan tangga konkrit. Semoga usaha yang baik ini diberkati Allah S.W.T dan dapat membantu memberi khidmat yang terbaik kepada masyarakat di sini.

Selain itu, saya juga percaya program sebegini dapat memberikan kesedaran dan mengukuhkan lagi ikatan tali persaudaraan di antara tuan-tuan dan puan-puan dengan penduduk kampung ini. Hal ini kerana dalam kita menjalani hidup seharian aspek ukhuwah dan silahturahim perlu kita jaga sebaik-baiknya kerana kita hidup dalam keadaan saling memerlukan satu sama lain.

Di samping itu juga, saya yakin dan percaya program pada hari ini dapat memberi peluang dan ruang kepada kontraktor untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman serta

pengetahuan di antara satu sama lain, seterusnya meluaskan jaringan perniagaan.

Tuan – Tuan dan Puan – Puan,

Kerajaan sentiasa menghargai dan mengiktiraf peranan serta sumbangan para kontraktor Bumiputera dalam industri pembinaan untuk pembangunan negara. Kerajaan faham dan merasai denyut nadi kontraktor bumiputera dan segala permasalahan yang timbul baik dari segi bahan binaan hinggalah kepada pengagihan projek kepada kontraktor Bumiputera terus mendapat perhatian yang sewajarnya.

Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang mempergiatkan usaha untuk menggabungkan PKK dengan Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU), KKR bagi mendapatkan *synergy* yang maksimum dalam usaha untuk melaksana Agenda Pemerkasaan Bumiputera. Gabungan strategik ini bertujuan untuk menangani perkara –perkara berkaitan kontraktor dan usahawan binaan bumiputera dan

bertindak sebagai sebuah *'one stop centre'*. Selain itu, Kerajaan juga berharap supaya gabungan *synergy* tersebut dapat memberi manfaat yang besar kepada para kontraktor dan usahawan binaan bumiputera terutama sekali dalam hal berkaitan kolaborasi kontraktor dan usahawan bumiputera.

Sesungguhnya, perjuangan kita untuk memperkasakan ekonomi Bumiputera masih belum selesai. Kita perlu melipat gandakan usaha supaya boleh membuat lonjakan besar ke arah mencapai matlamat kita. Para kontraktor sendiri perlu meningkatkan keupayaan, mengikis kelemahan untuk menjadi lebih berdaya maju. Setiap kita harus memainkan peranan membimbing para kontraktor dalam merebut peluang-peluang yang disediakan. Usaha juga perlu dipergiatkan untuk memperkukuhkan lagi kompetensi melalui usaha bimbingan, latihan kemahiran, perkongsian pengalaman dan *networking*. Kita mahu melihat lebih ramai kontraktor berkualiti dan berdaya saing sehingga ke persada antarabangsa.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Bagi menjayakan matlamat untuk memperkasakan Agenda Bumiputera dan meningkatkan kompetensi kontraktor Bumiputera, PKK akan terus bekerjasama dengan Agensi-agensi Kerajaan dan NGO untuk melaksanakan program-program pembangunan kepada kontraktor pada masa hadapan. Sehubungan itu, saya menyeru para kontraktor sekalian untuk merebut peluang menyertai program-program anjuran PKK supaya dapat menambah pengetahuan secara berterusan dan seterusnya mendapatkan maklumat terkini daripada pihak PKK. Jika terdapat sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada PKK Ibu Pejabat dan PKK Negeri yang berdekatan atau melalui saluran komunikasi yang telah disediakan. Insya Allah, PKK akan sentiasa membantu tuan/puan dan memberikan panduan yang sewajarnya.

Buat warga penduduk Kampung Kulambai Dundau, teruskan menyokong pemimpin di Kota Belud ini kerana sesungguhnya anda semua amat beruntung mempunyai

pemimpin seperti YB Datuk Seri Panglima Salleh, YB Datuk Musbah dan lain-lain kerana mereka semua merupakan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan sentiasa peka terhadap masalah rakyat.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bagi menjayakan program pada hari ini. Terimalah dua rangkap pantun dari saya buat anda semua :

Hendak belayar ke Teluk betong,
Sambil mencuba labuhkan pukut,
Bulat air kerana pembentung,
Bulat manusia kerana muafakat.

Jikalau tuan mengangkat peti,
Tolong masukkan segala barang,
Jatuh bangun bersatu hati,
Kerja yang susah menjadi senang.

Sehubungan itu, dengan lafaz *Bismillah*hirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan “Program Khidmat Masyarakat Kerja-Kerja Mengecat Dan Latihan Praktikal Membaikpulih Pagar” di Surau Kg Kulambai Dundau, Kota Belud, Sabah pada hari ini.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*